

**PELUANG DAN CABARAN PENDIDIKAN DALAM KALANGAN
MASYARAKAT LUAR BANDAR :
SATU KAJIAN KES ISI RUMAH MELAYU MISKIN DI JAJAHAN
BACHOK, KELANTAN**

SITI MASAYU ROSLIAH BINTI ABDUL RASHID

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2008

**PELUANG DAN CABARAN PENDIDIKAN DALAM KALANGAN
MASYARAKAT LUAR BANDAR :
SATU KAJIAN KES ISI RUMAH MELAYU MISKIN DI JAJAHAN
BACHOK, KELANTAN**

oleh

SITI MASAYU ROSLIAH BINTI ABDUL RASHID

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2008

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan kerana dengan kehendakNYA, dapat saya menyempurnakan tesis penyelidikan ini dalam tempoh yang ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada semua yang terlibat dalam penulisan ini terutamanya kepada penyelia utama saya, Prof. Madya Usman Haji Yaakob dan kepada penyelia bersama iaitu Dr. Narimah Samat di atas tunjuk ajar dan cadangan-cadangan yang diberikan selama tempoh menyiapkan tesis ini. Perhatian dan jasa baik yang telah diberikan akan dikenang untuk selama-lamanya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual dan memberi kerjasama yang baik kepada saya sepanjang kajian soal selidik ini dijalankan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Kelantan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) cawangan Kota Bharu, JKM cawangan Bachok, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Bharu dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan yang telah memberi kerjasama dan membekalkan maklumat yang diperlukan oleh saya untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada semua yang memberi sokongan dan dorongan secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada ke dua ibu bapa, suami, dan seisi keluarga yang telah banyak berkorban, juga kepada teman-teman seperjuangan yang turut menyumbangkan buah fikiran serta dorongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini. Terima kasih di atas segalanya.

Siti Masayu Rosliah Binti Abdul Rashid

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang.

SENARAI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
Bab 1- Pengenalan kepada kajian	1 - 19
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Isu kajian	7
1.4 Objektif kajian	14
1.5 Andaian kajian	15
1.6 Batasan dan skop kajian	16
1.7 Kepentingan kajian	17
1.8 Organisasi kajian	18
Bab 2- Kajian terdahulu	20 - 63
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Kajian kemiskinan di Malaysia	20
2.3 Masyarakat luar bandar dan isu kemiskinan	25
2.4 Masyarakat luar bandar dan isu pendidikan	27
2.5 Masyarakat luar bandar dan isu kesihatan	32
2.6 Rangka konseptual	38
2.7 Isu masyarakat luar bandar di Malaysia	40
2.7.1 Latar belakang keadaan kemiskinan masyarakat luar bandar di Malaysia	40
2.7.2 Latar belakang isu pendidikan masyarakat luar bandar di Malaysia	46
2.7.3 Latar belakang isu kesihatan masyarakat luar bandar di Malaysia	50
2.7.4 Kesuburan dan kematian bayi di Kelantan	52
2.8 Isu masyarakat luar bandar di Kelantan	53

2.9	Strategi dan usaha kerajaan dalam membasmi kemiskinan masyarakat luar bandar	58
2.10	Kesimpulan	63
Bab 3- Metodologi kajian		64 - 81
3.1	Pendahuluan	64
3.2	Lokasi kawasan kajian	64
3.3	Pemilihan responden Melayu	67
3.4	Rangka teoritis	68
3.5	Metod Pengumpulan Data : Kaedah kuantitatif dan kualitatif	70
3.5.1	Kaedah kuantitatif : Data primer dan sekunder	70
3.5.2	Kaedah kualitatif : Temubual mendalam dan pemerhatian ikut serta	70
3.6	Tatacara persampelan	71
3.6.1	Rangka persampelan	71
3.6.2	Persampelan ' <i>snowball</i> ' untuk memilih Ketua Isi Rumah (KIR) miskin yang tidak tersenarai dalam Senarai Keluarga Miskin Jajahan Bachok Negeri Kelantan.	72
3.7	Soal selidik	73
3.8	Temubual mendalam	74
3.9	Merekodkan data	76
3.10	Analisis data	77
3.10.1	Analisis kuantitatif berbentuk deskriptif	77
3.10.2	Analisis kandungan untuk data kualitatif	77
3.11	Operasionalisasi pemboleh ubah	78
3.12	Pertimbangan-pertimbangan etika	79
3.13	Kesimpulan	81
Bab 4- Kedudukan sosio ekonomi serta tahap pencapaian pendidikan responden dan anak-anak dalam kalangan masyarakat luar bandar di Jajahan Bachok, Kelantan		82 - 112
4.1	Pendahuluan	82
4.2	Latar belakang responden	83
4.2.1	Kategori umur	83
4.2.2	Taraf pendidikan	83
4.2.3	Status tenaga kerja	85

4.2.4	Kategori pekerjaan utama	86
4.2.5	Pendapatan bulanan daripada pekerjaan utama	87
4.2.6	Pendapatan purata bulanan keluarga responden	88
4.3	Persepsi responden terhadap aspek pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka	90
4.4	Tahap pendidikan anak-anak responden yang sedang menerima pendidikan	97
4.4.1	Tahap pencapaian pendidikan anak responden yang sedang menerima pendidikan	98
4.4.2	Tempat pengajian anak responden yang tidak tinggal bersama dan sedang menerima pendidikan	99
4.5	Tahap pendidikan kalangan anak-anak responden yang telah tamat pengajian	100
4.5.1	Tahap pendidikan dan sektor pekerjaan bagi anak yang tinggal berasingan	100
4.5.2	Jenis pekerjaan yang diceburi oleh anak responden yang tinggal berasingan	103
4.5.3	Pendapatan bulanan anak responden yang bekerja dan tinggal berasingan	106
4.6	Tahap pendidikan dan sektor pekerjaan anak responden yang tinggal bersama	108
4.6.1	Jenis pekerjaan yang diceburi oleh anak responden yang tinggal bersama	109
4.6.2	Pendapatan bulanan anak yang tinggal bersama	110
4.7	Kesimpulan	111
Bab 5- Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar dalam memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak di Jajahan Bachok, Kelantan		113 -153
5.1	Pendahuluan	113
5.2	Latar belakang pencapaian akademik pelajar di kawasan kajian	114
5.3	Latar belakang pencapaian akademik pelajar sekolah menengah	117
5.3.1	Kategori umur dan tingkatan	117
5.3.2	Prestasi pencapaian akademik pelajar	118
5.4	Latar belakang pencapaian akademik pelajar sekolah rendah	122
5.4.1	Kategori umur dan darjah	122

5.4.2	Prestasi pencapaian akademik murid sekolah rendah	123
5.5	Cabaran dan halangan pendidikan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di luar bandar	125
5.6	Persepsi responden terhadap masalah dan cabaran dalam memberi pendidikan kepada anak-anak	133
5.7	Persepsi responden terhadap kepentingan pendidikan serta inisiatif yang diambil dalam menangani masalah yang dihadapi	148
5.8	Kesimpulan	152
Bab 6- Kesimpulan, cadangan dan penutup		154 - 162
6.1	Pendahuluan	154
6.2	Rumusan hasil kajian	154
6.3	Sumbangan kajian kepada perbincangan mengenai masyarakat miskin di kawasan luar bandar	157
6.4	Cadangan polisi dan dasar bagi membantu masyarakat miskin di luar bandar	159
Bibliografi		163 - 171
Lampiran 1 : Soal selidik kajian		172 - 182

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
Jadual 2.1	Peratus kadar kemiskinan mengikut negeri pada tahun-tahun tertentu	44
Jadual 4.1	Kategori responden mengikut kumpulan umur	83
Jadual 4.2	Taraf pendidikan responden di kawasan kajian	84
Jadual 4.3	Taraf pekerjaan responden di kawasan kajian	85
Jadual 4.4	Bilangan pasangan responden yang bekerja di kawasan kajian	86
Jadual 4.5	Kategori pekerjaan responden mengikut sektor	86
Jadual 4.6	Jenis pekerjaan responden	87
Jadual 4.7	Tingkat pendapatan bulanan responden yang bekerja	88
Jadual 4.8	Tingkat purata pendapatan bulanan ahli keluarga responden	90
Jadual 4.9	Alasan anak tidak bersekolah	92
Jadual 4.10	Pandangan responden tentang keadaan keluarga dan penerimaan pendidikan anak-anak	94
Jadual 4.11	Analisis tanggapan responden terhadap kepentingan pendidikan anak-anak	96
Jadual 4.12	Peringkat pengajian anak responden yang sedang belajar	97
Jadual 4.13	Tempat pengajian anak responden yang tinggal berasingan	100
Jadual 4.14	Tahap pendidikan anak responden yang telah tamat pengajian dan tinggal berasingan	101
Jadual 4.15	Alasan yang menyebabkan anak responden tinggal berasingan	102
Jadual 4.16	Kategori pekerjaan anak responden yang tinggal berasingan	103
Jadual 4.17	Tingkat pendapatan anak responden yang tinggal berasingan	107
Jadual 4.18	Tahap pendidikan anak responden yang tinggal bersama	108
Jadual 4.19	Kategori pekerjaan anak responden yang tinggal bersama	109
Jadual 4.20	Tingkat pendapatan anak yang bekerja dan tinggal bersama	111
Jadual 5.1	Jumlah pelajar sekolah menengah mengikut tingkatan	118
Jadual 5.2	Prestasi pencapaian akademik pelajar sekolah menengah	119

Jadual 5.3	Prestasi pencapaian akademik pelajar bagi yang tinggal berasingan dan tinggal bersama keluarga	120
Jadual 5.4	Umur bagi murid di sekolah rendah	123
Jadual 5.5	Tahap persekolahan bagi murid sekolah rendah	123
Jadual 5.6	Prestasi pencapaian murid sekolah rendah	125
Jadual 5.7	Tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah	127
Jadual 5.8	Tahap pencapaian akademik dan penguasaan bahasa Inggeris pelajar sekolah menengah	128
Jadual 5.9	Tahap pencapaian akademik dan penguasaan bahasa Inggeris murid sekolah rendah	131
Jadual 5.10	Analisis tahap penerimaan pendidikan responden dan pengaruh terhadap cabaran dalam memberi pendidikan kepada anak-anak	134
Jadual 5.11	Analisis ujian Khi Kuasa Dua yang menunjukkan perkaitan antara tahap pendidikan responden dengan masalah dan cabaran dalam memberi pendidikan kepada anak-anak	134
Jadual 5.12	Tahap pendidikan responden dan pengaruhnya terhadap cabaran dan masalah dalam memberi pendidikan kepada anak-anak	142
Jadual 5.13	Tahap kesedaran responden terhadap aspek pendidikan bagi masa depan anak-anak mereka	149

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
Rajah 2.1	Kitaran ganas kemiskinan	37
Rajah 2.2	Kitaran halangan masyarakat luar bandar dan usaha-usaha mengeluarkan masyarakat luar bandar daripada kemiskinan	39
Rajah 3.1	Peta jajahan Negeri Kelantan	66
Rajah 3.2	Kerangka teoritis penyelidikan	69
Rajah 5.1	Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah dan cabaran responden dalam memberi pendidikan kepada anak-anak	136
Rajah 5.2	Jumlah bilangan anak dalam keluarga responden	140
Rajah 5.3	Inisiatif responden bagi meningkatkan prestasi pembelajaran anak-anak mengikut jantina	150

**Peluang dan Cabaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Luar Bandar :
Satu Kajian Kes Isi Rumah Melayu Miskin Di Jajahan Bachok, Kelantan**

ABSTRAK

Kemiskinan merupakan masalah yang serius terutama dalam kalangan isi rumah Melayu di kawasan luar bandar. Masalah ini dipengaruhi oleh tahap pendidikan sesebuah keluarga. Kajian dijalankan bagi menilai tahap kemiskinan isi rumah Melayu luar bandar, tahap pencapaian pendidikan ketua isi rumah, kesedaran ketua isi rumah tentang kepentingan pendidikan dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ketua isi rumah Melayu miskin luar bandar dalam mendapatkan pendidikan. Selain itu, kajian juga turut melihat prestasi pendidikan anak-anak ketua isi rumah miskin. Gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk mengumpulkan data. Soal selidik terhadap 230 orang responden telah dijalankan. Hasil kajian mendapati, masyarakat Melayu luar bandar hidup dalam keadaan kemiskinan yang serius. Tahap pendidikan keluarga miskin yang rendah turut memberi kesan kepada anak-anak dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna. Walau bagaimanapun, majoriti daripada keseluruhan ketua isi rumah Melayu di kawasan luar bandar ini sedar tentang kepentingan pendidikan untuk masa depan anak-anak mereka. Pelbagai cara seperti mendapatkan bantuan dari ahli keluarga terdekat atau menghantar ke kelas tuisyen berbayar adalah inisiatif yang diambil dalam menangani masalah memberikan pendidikan kepada anak-anak. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan ketidakupayaan individu mendapat pendidikan yang sempurna menyebabkan mereka terus terperangkap dalam kemiskinan. Oleh itu, cadangan seperti menekankan aspek pendidikan sejak dari awal serta memberi peluang latihan dan kemahiran dalam pelbagai bidang kepada masyarakat Melayu di luar bandar mampu untuk mengeluarkan golongan ini daripada belenggu kemiskinan.

**Educational Opportunities and Challenges among Rural Society: A Case Study
on Poor Malay of Household in Bachok District, Kelantan**

ABSTRACT

Poverty is a serious predicament especially among Malay householders in rural areas. This problem is influenced by the educational level of a particular family. This study is conducted to evaluate the poverty level of rural Malay household, educational achievement of household, head of household awareness of educational achievement and identifying the challenges faced by poor Malay rural head of household in acquiring education. On the other hand, this study looks into the poor of household children's educational performance. Data was collected using a combination of qualitative and quantitative methods. Questionnaires were administered to 230 respondents. Findings show that rural Malay society live in serious poverty conditions. Poor family's low level of education has an effect on children's ability to acquire proper education. However, majority of the Malay household in rural areas are aware of the importance of education for their children's future. Various ways and initiatives are taken in providing education to their children, such as seeking help from immediate family members or sending them for tuition classes. In conclusion, this study shows that inability of individuals in acquiring proper education causes them to get entangled in poverty. Therefore, in order liberate the rural Malays from poverty, it is suggested that educational aspects should be stressed from early age. In addition, skill training opportunities in various fields should also be provided.

BAB 1

PENGENALAN KEPADA KAJIAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincang tentang maklumat dan penjelasan mengenai aspek-aspek perancangan penyelidikan serta rasional kajian. Penghasilan kajian ini adalah berpandukan kepada isu kajian, objektif kajian, serta andaian kajian. Sebelum perbincangan dijelaskan selanjutnya, bab ini akan mengemukakan latar belakang kajian iaitu mengenai masalah kemiskinan di luar bandar serta isu-isu yang berkaitan.

1.2 Latar belakang kajian

Sejak Rancangan Malaysia Kedua (1971 hingga 1975), Malaysia telah melaksanakan dasar pembangunan ke arah pembasmian kemiskinan dan pengurangan polarisasi sosio ekonomi khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar (Malaysia, 1971). Berdasarkan prinsip ini pelbagai usaha dijalankan untuk terus mendidik masyarakat bukan sahaja secara formal untuk generasi muda tetapi juga secara tidak formal dalam kalangan generasi dewasa. Pendidikan membolehkan setiap individu menguasai ilmu pengetahuan dan seterusnya mampu mengatasi ranjau dan rintangan-rintangan kehidupan. Usaha kerajaan yang begitu gigih untuk membantu rakyat meningkatkan taraf hidup dapat dilihat menerusi pembentukan pelbagai agensi di peringkat persekutuan, wilayah dan negeri bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan untuk faedah rakyat. Tidak dapat disangkal kebenaran bahawa sebarang kejayaan dalam pembangunan di kalangan masyarakat adalah hasil daripada usaha-usaha kerajaan yang telah mempertingkatkan taraf hidup rakyat melalui pencapaian dalam bidang pendidikan, kesihatan, perindustrian, dan sebagainya. Buktinya, sepanjang tempoh dua setengah dekad semenjak tahun 1970, Malaysia telah mencapai kemajuan yang

membanggakan dari segi pertumbuhan ekonomi sekaligus dapat memenuhi objektif sosialnya (Malaysia, 1999:4-5).

Salah satu objektif utama Rancangan Malaysia Pertama (1966 hingga 1970) adalah untuk menggiat dan memperluaskan pembangunan sumber manusia kepada rakyat (Malaysia, 1965). Objektif program pendidikan adalah untuk membaiki kualiti pendidikan dan peluang pendidikan yang mana merupakan agenda penting bagi setiap strategi pembangunan di Malaysia. Isu mengenai jurang pendidikan diperseimbangkan di antara masyarakat luar bandar dan bandar. Berdasarkan objektif ini aspek pendidikan merupakan instrumen yang terpenting dalam mempertingkatkan kualiti hidup di Malaysia. Dalam rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia Pertama 1971 – 1990 (RRJP1), akses pendidikan telah dikenalpasti sebagai salah satu langkah utama yang berdaya tahan dan berkesan dalam usaha mengurangkan jurang pendidikan dan kemiskinan antara kawasan bandar dan luar bandar (Malaysia, 2001:158).

Dalam membincangkan aspek pendidikan ini, persoalan mengenai kecemerlangan akademik seringkali dikaitkan dengan prestasi dan enrolmen pelajar. Fenomena yang berlaku di Malaysia pada masa kini lebih menjurus kepada perbezaan kecemerlangan dalam kalangan pelajar luar bandar dan bandar di mana enrolmen dan prestasi kecemerlangan pelajar luar bandar dilihat agak mundur jika dibandingkan dengan pelajar di bandar (Murad Mohd Noor, 1971;Behrman dan Schnieder, 1994). Ini merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian dan tindakan sewajarnya.

Dalam konteks perkembangan terbaru, kerajaan mengumumkan dasar penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek Sains dan Matematik sejak 2003 di semua sekolah menengah dan rendah di seluruh Malaysia. Menurut laporan terbaru, hampir

separuh daripada pelajar tingkatan satu dan dua di luar bandar gagal dalam subjek Sains dan Matematik yang diajar dalam bahasa Inggeris, dan keadaan ini membimbangkan Kementerian Pelajaran. Kajian daripada Kementerian Pelajaran pada tahun 2005 mendapati pelajar di sekolah menengah luar bandar, pencapaian kelulusan pelajar tingkatan satu bagi subjek sains adalah 41.1 peratus manakala tingkatan dua, adalah 43 peratus. Bagi subjek matematik tingkatan satu, kelulusannya ialah 42.1 peratus dan 46.3 peratus bagi tingkatan dua. Bagi sekolah dalam bandar, sebanyak 57.5 peratus pelajar tingkatan satu lulus dalam subjek Matematik dan 59.6 peratus bagi pelajar tingkatan dua (Utusan Malaysia, 1 Julai 2005). Statistik ini jelas menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan pencapaian antara pelajar bandar dan luar bandar. Suatu usaha patut dilakukan bagi mencari sebab kenapa ia berlaku dan bagaimana untuk mengatasinya.

Apa yang pasti, perkaitan antara isu pendidikan dengan kemunduran pelajar di luar bandar boleh memberi impak yang negatif terhadap pembangunan di negara kita. Menurut Maimunah Ismail (1999), kebanyakan penduduk luar bandar terlibat dalam pertanian bercorak sara diri dan berada pada tahap miskin. Mereka kurang aktif dan kurang terlibat dalam program-program pembangunan, mempunyai taraf pengeluaran pertanian yang rendah, mempunyai tahap kemudahan asas yang kurang; aspek pendidikan dan kesihatan yang rendah, kurang menerima faedah-faedah dan sumber-sumber pembangunan yang terdapat di bandar (Maimunah Ismail, 1999:18-19). Hal ini sekaligus menyumbang kepada berlakunya jurang ketaksamaan yang semakin ketara di antara masyarakat luar bandar dan bandar.

Oleh kerana itu, dasar telah dibentuk menjadikan penduduk luar bandar sebagai kumpulan sasaran program-program pembangunan supaya keadaan kemiskinan dan ketaksamaan dapat dikurangkan sepenuhnya. Program pembangunan luar bandar adalah satu proses untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui

pembaikan dalam seluruh aspek pembangunan manusia (Malaysia, 1971). Ini termasuklah penyediaan keperluan asas yang mencukupi seperti makanan, pakaian, perumahan, dan kesihatan serta keperluan psikososial yang lain seperti pendidikan, pekerjaan, kerohanian dan keselamatan (Maimunah Ismail, 1999:19).

Bagi memastikan kemiskinan dan ketaksamaan dapat dikurangkan sepenuhnya, kerajaan telah mempelbagaikan program yang berteraskan kepada pembangunan luar bandar. Dalam aspek pendidikan misalnya, Malaysia telah menyediakan sejumlah peruntukan yang besar untuk membangunkan tahap pendidikan pelajar di kawasan luar bandar khususnya di negeri-negeri tertentu. Di Kelantan misalnya, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan menerima peruntukan kira-kira RM54.6 juta daripada Kerajaan Pusat sepanjang tahun 2007 untuk diagihkan kepada lebih 170,000 murid dan pelajar miskin di seluruh negeri. Daripada jumlah itu, sebanyak RM16.8 juta diagihkan bagi membantu 134,000 pelajar sekolah menengah yang dikategorikan miskin menerusi Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) sejak Januari lalu sehingga kini. Selain itu peruntukan berkenaan turut diagihkan bagi membantu 71,785 murid miskin Tahun 4, 5 dan 6 bagi mengikuti kelas tambahan menerusi skim baucer tuisyen. JPN turut menyenaraikan seramai 38,000 lagi murid miskin dari seluruh negeri yang diberi dua lagi skim bantuan iaitu Rancangan Makanan Tambahan Sekolah Rendah (RMTSR) bernilai RM7 juta serta Program Susu Sekolah bernilai RM3.8 juta (Utusan Malaysia, 11 Jun 2007). Diharap peruntukan yang disalurkan ini akan dapat mempertingkatkan lagi tahap prestasi pelajar di luar bandar.

Di samping itu, Malaysia pada hakikatnya secara berterusan mengambil langkah dalam memastikan kemajuan pendidikan di bandar seiring dengan pendidikan di kawasan luar bandar. Justeru, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengambil inisiatif yang tersendiri dengan mengumumkan tujuh langkah

“lonjakan perdana pendidikan luar bandar” bertujuan bagi mengurangkan jurang prestasi antara sekolah bandar dan luar bandar. Antara tujuh lonjakan tersebut ialah memantapkan perkhidmatan prasekolah di luar bandar dengan membina lebih 2,400 kelas yang akan memberi faedah kepada hampir 61,000 kanak-kanak di seluruh negara serta penyediaan latihan guru prasekolah dan kemudahan komputer di kebanyakan sekolah luar bandar (Utusan Malaysia, 6 Oktober 2006).

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga, telah memberi fokus dalam usaha bagi merapatkan jurang pendidikan. Agenda merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar adalah penting kerana melibatkan jumlah sekolah yang besar iaitu sebanyak 5077 buah sekolah daripada 7513 buah sekolah rendah dan 792 dari 2045 sekolah menengah di kawasan luar bandar. Memandangkan pentingnya pembangunan pendidikan luar bandar, KPM telah bekerjasama dengan *National Implementation Task Force (NITF)* untuk menambah baik serta mendapat peruntukan tambahan di bawah Projek Berimpak Tinggi NITF. Tambahan sebanyak RM2.6 bilion telah diperuntukkan di bawah Projek Berimpak Tinggi untuk merapatkan jurang pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak. Pembangunan infrastruktur ini dijangka akan memberi manfaat kepada 2.2 juta pelajar dan 14,000 guru di kawasan pedalaman (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2007).

Justeru, penekanan dalam aspek pendidikan sentiasa dititikberatkan memandangkan pendidikan mampu mengubah taraf hidup sesebuah masyarakat itu. Pelbagai pendekatan yang meliputi seawal peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat tertinggi pendidikan yang bertindak sebagai asas bagi mempercepatkan proses kemajuan dalam menyediakan akses dan mempertingkatkan kualiti pendidikan dalam negara (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2002:13). Habana (1993) menegaskan bahawa dasar pendidikan nasional Malaysia iaitu selain daripada matlamat universal

untuk perkembangan individu dalam aspek intelektual, budaya, sosio ekonomi, dan rohani, dasar ini juga bertujuan untuk membentuk identiti dan perpaduan nasional dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Ini dilakukan melalui pemupukan idea, nilai, aspirasi, dan ketaatan yang dapat menyumbangkan kepada pembangunan negara di kalangan rakyat Malaysia (Habana, 1993:10).

Walaupun pelbagai program telah disediakan, namun jurang kemiskinan antara bandar dan luar bandar masih lagi wujud. Oleh yang demikian, kajian untuk meneroka tentang cabaran yang dilalui oleh masyarakat khususnya golongan masyarakat luar bandar timbul disebabkan masih wujud jurang ketaksamaan, taraf hidup yang sepatutnya dibasmi sepenuhnya memandangkan Malaysia sudah mencapai kemajuan selaras dengan sambutan 50 tahun kemerdekaan Malaysia. Dalam hubungan ini adalah diperhatikan bahawa jarak atau lokasi sesuatu tempat mampu menyumbang kepada berlakunya ketaksamaan agihan sumber yang mana kawasan bandar mendapat peruntukan pembangunan yang lebih besar berbanding dengan penduduk luar bandar yang tinggal jauh di pedalaman (Yuji Tamura, 2003). Jadi, salah satu faktor yang menghalang penduduk menikmati taraf hidup yang sama dengan penduduk bandar adalah disebabkan faktor jarak.

Oleh itu kajian ini cuba untuk mengkaji cabaran serta peluang dalam bidang pendidikan khususnya, yang mampu dicapai oleh pelajar di kawasan luar bandar untuk menjadikan mereka berada pada tahap yang sama dengan kemajuan pelajar di bandar. Justeru, kajian ini akan mengambil kira persepsi dan kesedaran responden tentang kepentingan pendidikan serta masalah dan cabaran yang menghalang mereka untuk mendapat faedah yang sama rata khususnya dalam aspek pendidikan golongan anak-anak mereka.

1.3 Isu kajian

Beberapa kajian yang dijalankan setakat ini mendapati kalangan masyarakat luar bandar adalah terdiri daripada mereka yang hidup dalam keadaan kemiskinan dan serba kekurangan (Ungku Abdul Aziz, 1964; Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafiah Piei, 1988). Kemiskinan ini disebabkan oleh beberapa faktor, umpamanya tahap pendidikan yang rendah, ketiadaan kemahiran dalam pekerjaan, dan dipengaruhi oleh faktor keturunan (Agesa, 2004; Yuji Tamura, 2003; Downs, 1970; Nurizan Yahaya, 1998). Faktor ini menyebabkan masyarakat luar bandar sering menghadapi masalah dalam pelbagai perkara sehingga menyebabkan mereka berterusan berada dalam keadaan miskin. Oleh itu, mereka perlu dibantu bagi memperbaiki taraf hidup dan pendidikan generasi akan datang.

Masyarakat luar bandar lazimnya dilabelkan sebagai masyarakat yang hidup miskin. Walaupun kemiskinan turut berlaku di kawasan bandar, namun lokasi di kawasan luar bandar lebih kerap dijadikan topik dalam perbincangan isu kemiskinan. Sebagai contoh, pada tahun 1970 keluarga miskin dengan pendapatan purata isi rumah kawasan bandar, ialah sebanyak RM428, manakala di kawasan luar bandar adalah hanya RM200 (Malaysia, 1976:179). Ini jelas menunjukkan perbezaan yang ketara antara dua lokasi ini di mana jurang ketaksamaan pendapatan telah berlaku sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap berusaha untuk mengatasi masalah ketaksamaan yang wujud ini. Langkah terbaru, kerajaan telah melancarkan Program Lonjakan Mega Luar Bandar yang dijangka memberi manfaat kepada lebih 48,000 keluarga yang hidup di bawah garis kemiskinan tegar di seluruh negara pada bulan Ogos 2007. Perdana Menteri merasmikan program pertama Lonjakan Mega Luar Bandar itu di Pulau Banggi, Kudat, Sabah sebelum diperluaskan ke Ganda, Grik, Perak; Gahai, Pahang dan kawasan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), Kelantan (Berita Harian, 5 Julai 2007).

Walaupun terdapat pelbagai usaha dan langkah kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan, masalah ini masih tidak dapat dihapuskan sepenuhnya. Persoalannya, biarpun terdapat pelbagai usaha menghapuskan kemiskinan dan ketaksamaan, masalah ini masih berlaku dalam kes yang agak tinggi dan masih kekal berpusat dalam sektor primer tradisional khususnya di kawasan luar bandar seperti di Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Masyarakat Melayu masih ramai tinggal di kawasan luar bandar dan terlibat dalam sektor primer. Ini menjadikan tahap kemiskinan dan ketaksamaan dalam kalangan mereka masih lagi tinggi. Sebagai contoh, pada tahun 2001 paras kemiskinan nasional berada pada tahap 5.1 peratus di mana melibatkan 267,000 isi rumah. Kemiskinan di kawasan luar bandar lebih tinggi iaitu pada tahap 11.4 peratus berbanding 2 peratus yang mewakili kemiskinan di kawasan bandar (Malaysia, 2002:155). Memandangkan masih lagi timbul senario kemiskinan, maka pelbagai langkah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Selain penglibatan dalam sektor primer yang membawa kepada kemiskinan, tahap pendidikan masyarakat luar bandar juga rendah (Buarque et al., 2006:225). Oleh hal yang demikian, masyarakat luar bandar lebih menumpukan pekerjaan dalam sektor tradisional sahaja. Tahap pendidikan yang rendah dan kekurangan kemahiran menyebabkan masyarakat luar bandar berhadapan dengan masalah kurang daya saing dalam sektor pekerjaan serta sukar mendapatkan pekerjaan yang menjanjikan pendapatan yang lumayan (Nhamo dan Nhamo, 2006:312).

Masalah pendidikan dapat diatasi sekiranya golongan luar bandar diberi kemudahan dan bantuan. Menyedari keperluan ini, kerajaan telah mempelbagaikan langkah dan usaha bagi membantu masyarakat luar bandar keluar dari kepompong kemiskinan melalui pendidikan. Contohnya, bagi memastikan perbelanjaan pendidikan

mencukupi, kerajaan telah menambahkan peruntukan kewangan kepada kira-kira 400,000 murid miskin seluruh negara dengan menambah RM20 menjadikan jumlahnya RM50 sebulan menerusi skim bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), mulai tahun 2007 (Malaysia, 2006b:342). Langkah ini merupakan salah satu cara mengurangkan beban keluarga dalam aspek perbelanjaan pendidikan bagi masyarakat luar bandar.

Sasaran menghapuskan kemiskinan terutama kemiskinan tegar menjelang 2010 menjadi antara agenda utama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Salah satu strategi yang digariskan adalah melalui pencapaian pendidikan yang tinggi. Perkembangan positif ini jelas digambarkan melalui perangkaan pendidikan yang memberi maklumat penting dalam menilai kemajuan sektor pendidikan negara. Perangkaan ini juga memberi input asas kepada pihak penggubal dasar untuk merancang sekaligus menentukan perkembangan dan hala tuju pendidikan negara (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2002:15). Oleh sebab itu, langkah dan usaha bagi memantapkan pendidikan sebagai teras pembangunan insan terus dipantau dan dinilai supaya sistem pendidikan negara mencapai kualiti yang telah disasarkan serta mampu mengatasi masalah kemiskinan.

Walaupun kemajuan pendidikan di Malaysia semakin berkembang pesat, pendidikan orang Melayu terutama di kawasan luar bandar masih kurang memuaskan. Kemunduran pendidikan orang Melayu telah menjejaskan dan melambatkan peningkatan taraf sosio ekonomi yang dapat membantu mengurangkan masalah pembaziran reproduktif (Moha Asri Hj. Abdullah, 1997:172). Sebagai contoh, Watson (1982:88) mengatakan sistem pendidikan di Malaysia dipengaruhi oleh pengaruh British contohnya dalam aspek pentadbiran, struktur dan kurikulum serta peperiksaan. Keadaan ini telah menyebabkan wujudnya pengagihan etnik, pengagihan kelas dan berlakunya ketaksamaan dalam sesebuah wilayah dan negeri.

Perbezaan kaum dan kelas ini telah mewujudkan jurang khasnya dalam kalangan bangsa Melayu sendiri (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2002:36). Hal ini telah memberi gambaran yang tepat bahawa kewujudan ketaksamaan daripada pelbagai aspek telah berlaku sejak waktu dahulu lagi dan masih berterusan hingga ke hari ini. Apa yang dibimbangkan adalah golongan terlibat merupakan golongan yang terdiri daripada masyarakat Melayu yang umumnya tinggal di kawasan luar bandar.

Kajian yang dijalankan meneliti isu kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar terutama tentang pengaruhnya kepada pembangunan intelek dan masyarakat Melayu luar bandar. Ini kerana kemiskinan boleh menyebabkan kemunduran pendidikan bagi masyarakat dan pelajar di luar bandar. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, ia boleh membantut usaha kerajaan dalam mengurangkan jurang perbezaan sosio ekonomi antara masyarakat luar bandar dan masyarakat bandar. Kegagalan membasmi kemiskinan akan melambatkan pencapaian Wawasan 2020 yang meletakkan pendidikan sebagai cabaran utama menjadi sebuah negara maju (Lee, 1999).

Dalam memperjuangkan kualiti pendidikan di luar bandar, ketidakberkesanan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah mengekang usaha kerajaan untuk meningkatkan kemajuan pendidikan di kawasan tersebut. Dasar ini telah menimbulkan pelbagai masalah apabila ia dimulakan sejak 6 tahun lalu. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), kebanyakan guru dan pelajar Melayu, terutama di sekolah luar bandar tidak bersemangat dan malas untuk mengajar dan belajar mata pelajaran terbabit dalam bahasa Inggeris. Kajian yang dilaksanakan juga mendapati kegagalan yang berlaku bukan disebabkan mereka tidak mempunyai kebolehan untuk belajar Sains dan Matematik dalam bahasa mereka, tetapi kerana mereka gagal dalam bahasa Inggeris dan kelemahan kaedah pengajaran. Sebahagian besar pelajar gagal menguasai bahasa Inggeris dengan

baik, khususnya pelajar-pelajar Melayu luar bandar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Di samping itu juga, pendedahan awal kepada bahasa Inggeris adalah perlu dalam menguasai bahasa ini dengan baik. Walau bagaimanapun, kanak-kanak di luar bandar lambat diberi pendedahan kepada bahasa ini. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, (2002) sebanyak 36 peratus kanak-kanak berumur 5+ tidak menyertai prasekolah pada tahun 2000. Kanak-kanak di luar bandar juga tidak dipupuk dengan kemahiran asas membaca dan minat membaca, mempunyai tahap penguasaan yang rendah dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan mempunyai asas Sains dan Matematik yang rendah. Kelemahan ini berpunca dari peringkat awal lagi dan berterusan hingga ke peringkat menengah dan tertiar.

Selaras dengan perkembangan ekonomi yang maju, Malaysia memerlukan lebih ramai tenaga manusia yang cergas dan mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang dan tinggi. Perkembangan pendidikan sekarang menunjukkan bagaimana tahap kelulusan pendidikan untuk semua pekerjaan menjadi semakin tinggi dan memerlukan persaingan daripada semua pelajar (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005:91-92). Sebagai contoh pada tahun 2003, kadar celik huruf di Malaysia adalah 95 peratus. Ia berhasil memandangkan pendidikan di Malaysia adalah semakin maju. Lebih-lebih lagi menerusi program sekolah rendah, akses kepada peluang saksama dalam bidang pendidikan diberikan kepada setiap kanak-kanak, termasuk mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan terpencil (Malaysia, 2002:22). Maka selaras dengan ini, pelajar-pelajar luar bandar wajib diberikan pendidikan yang berkualiti bagi menjamin masa depan mereka agar lebih cemerlang. Justeru, kajian ini akan meninjau sejauh mana aspek pendidikan mampu untuk merangsangkan kemajuan masyarakat luar bandar sekaligus dapat membasmi masalah kemiskinan di kalangan mereka.

Masyarakat luar bandar sering berhadapan dengan masalah ketiadaan sumber bantuan dan kebajikan dari pihak yang terlibat. Pada hakikatnya, golongan ini menerima bantuan daripada pihak tertentu. Namun, ada juga kes yang melibatkan saluran bantuan tidak dapat diterima oleh golongan ini disebabkan oleh faktor seperti keciciran, sumber bantuan yang tidak bersesuaian, serta kurang mendapat pembelaan daripada pihak-pihak tertentu. Walaupun sememangnya terdapat sumber bantuan atau kebajikan daripada badan-badan kerajaan ataupun badan-badan bukan kerajaan (NGO) samada berbentuk kewangan, kemudahan asas, dan infrastruktur, namun ia dikatakan kurang berkesan kerana tidak sampai kepada masyarakat luar bandar (Mohd. Zaini Omar, 2002).

Usaha membasmi kemiskinan bukan semata-mata peranan kerajaan, sebaliknya menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk NGO yang perlu sama-sama berperanan membantu golongan berkenaan. Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) adalah contoh terbaik, yang melaksanakan pelbagai program selama lebih 17 tahun untuk membantu golongan kurang bernasib baik. Begitu juga Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang melaksanakan secara agresif menerusi program peningkatan pendapatan Sahabat AIM seluruh Negara (Mohd. Zaini Omar, 2002 : 46).

Selain itu bagi memantapkan lagi pendekatan membasmi kemiskinan, pihak akademik juga turut membantu. Diantaranya, Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan di Universiti Malaya (UM) yang ditubuhkan pada November 2005 sebagai contoh, akan dinaikkan taraf sebagai pusat kajian antarabangsa untuk mencari pendekatan dan idea baru menangani masalah kemiskinan peringkat global. Menerusi kajian yang disertai tokoh akademik, penyelidik, NGO dan penyumbang dana, satu pendekatan baru akan diguna pakai, bukan saja di negara ini, malah di negara luar, termasuk negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005:64).

Usaha memerangi kemiskinan luar bandar di Malaysia telah bermula sejak negara mencapai kemerdekaan. Namun begitu usaha ini menjadi lebih giat sejak awal tahun 1970-an melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Ini terbukti dengan perbelanjaan yang cukup besar iaitu disekitar RM32.9 billion untuk menangani masalah tersebut (SERU, 1991). Sehubungan itu pelbagai strategi seperti pembangunan tanah dan wilayah, penyatuan dan pemulihan tanah, program pembangunan luar bandar bersepadu dan sebagainya telah dilaksanakan. Penekanan juga diberi ke atas program industri desa, bantuan perkhidmatan seperti kredit, pemasaran dan subsidi, pembangunan sosial, penyediaan kemudahan infrastruktur dan ameniti sosial (Mohd Zaini Omar, 2002).

Semua usaha tersebut telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar daripada 58.7 peratus (1970) kepada 21.8 peratus (1990) (Malaysia, 2001). Walaupun demikian, beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa peruntukan sewaktu DEB begitu besar, tetapi proses titisan ke bawah kepada golongan termiskin adalah kecil sahaja (Chamhuri Siwar, 1992). Ini disebabkan sebahagian besar faedah telah diperolehi oleh kumpulan yang tidak layak, iaitu yang tidak miskin. Sebagai contoh strategi pembangunan kawasan atau *in-situ* kurang memberi tumpuan ke atas kumpulan sasaran termiskin. Ia berpunca daripada proses pengenalpastian golongan sasaran yang kurang teliti dari segi bilangan sebenar, profil sosio ekonomi serta lokasi golongan tersebut. Oleh hal yang demikian, masih ramai lagi kumpulan sasaran yang tidak dapat menikmati faedah pembangunan (Shukri Abdullah, 1992 dan Chamhuri Siwar, 1992). Hal ini telah menyebabkan masyarakat luar bandar tidak dapat memperbaiki taraf hidup mereka dan menyebabkan sukar untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Melalui pernyataan masalah yang dibincangkan di atas, didapati bahawa faktor kemiskinan menjadi punca berlakunya keciciran peluang pendidikan dalam kalangan

masyarakat luar bandar. Walaupun terdapat pelbagai usaha pihak kerajaan dalam menangani isu kemiskinan, ianya masih membelenggu masyarakat terutamanya golongan Melayu di luar bandar. Oleh hal yang demikian, penelitian terhadap peluang dan cabaran pendidikan golongan terbabit perlu dilakukan bagi membantu menangani isu kemiskinan.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini ingin mencapai objektif seperti berikut :

1. Mengenal pasti tahap kemiskinan isi rumah Melayu luar bandar di Jajahan Bachok, Kelantan.
2. Mengkaji tahap pencapaian pendidikan ketua isi rumah miskin serta prestasi pendidikan anak-anak yang sedang dan yang telah tamat persekolahan.
3. Menilai tahap kesedaran isi rumah tentang kepentingan pendidikan dan hala tuju kehidupan anak pada masa hadapan.
4. Mengenal pasti dan menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh isi rumah miskin luar bandar dalam mendapatkan pendidikan.

Objektif yang pertama adalah mengenal pasti tahap kemiskinan isi rumah Melayu luar bandar di kawasan Jajahan Bachok. Kajian akan melihat secara terperinci mengenai taraf sosio ekonomi masyarakat dari sudut pekerjaan, serta pendapatan yang diperolehi oleh golongan mereka.

Berdasarkan objektif kedua adalah, mengkaji pencapaian pendidikan responden serta anak-anak mereka. Hal ini adalah penting bagi memberikan gambaran awal tentang tahap dan pencapaian pendidikan sebenar masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar.

Manakala objektif ketiga, kajian akan menilai tahap kesedaran isi rumah tentang kepentingan pendidikan dan hala tuju kehidupan anak pada masa hadapan. Dalam objektif ini, kajian akan melihat sejauh mana kesedaran dan pengetahuan responden, dalam memberi tanggapan tentang kepentingan pendidikan terhadap masa depan generasi mereka.

Bagi menjawab objektif keempat, kajian akan mengenal pasti dan menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh isi rumah miskin luar bandar dalam mendapatkan pendidikan. Kajian akan menekankan kepada persoalan sejauh manakah mereka mengatasi cabaran serta bagaimana usaha mereka untuk keluar daripada kekangan ini.

1.5 Andaian kajian

Dalam kajian-kajian yang lepas, kebanyakan pengkaji yang mengkaji tentang masyarakat di kawasan luar bandar lebih menumpukan kajian terhadap sosio ekonomi masyarakat di kawasan tersebut. Oleh itu dalam kajian ini, pertama, penyelidik akan menjalankan kajian dengan mengenal pasti tahap kemiskinan responden berdasarkan pekerjaan yang dilakukan serta pendapatan yang diperolehi oleh mereka pada setiap bulan. Di samping itu, kajian turut mengkaji tahap pencapaian pendidikan ketua isi rumah serta anak-anak mereka yang telah tamat dan sedang menerima pendidikan. Melalui penemuan dan teori yang dikemukakan oleh pengkaji lepas, terdapat hubungkait antara tahap pendidikan seseorang dengan pendapatan yang diperolehi. Justeru, andaian yang dibuat ialah masyarakat di kawasan luar bandar mempunyai tahap sosio ekonomi yang rendah, sekaligus mempengaruhi tahap pendidikan serta pendapatan yang diperolehi oleh isi rumah miskin luar bandar.

Selain itu, penyelidik beranggapan bahawa tahap kesedaran yang rendah terhadap pendidikan khususnya bagi golongan ibubapa masyarakat di luar bandar merupakan suatu faktor yang membawa kepada kemunduran pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka. Selaras dengan objektif ketiga, kajian ini akan menilai tahap kesedaran isi rumah tentang kepentingan pendidikan dan hala tuju kehidupan anak-anak pada masa hadapan.

Penyelidik turut mengandaikan bahawa masyarakat di luar bandar mempunyai cabaran dalam mendapatkan pendidikan untuk anak-anak mereka. Lazimnya, masalah kemiskinan hidup yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar akan membawa kepada masalah dalam kehidupan mereka. Andaian mengenai terdapatnya cabaran dalam memberi pendidikan kepada anak-anak mereka adalah disebabkan faktor kemiskinan yang dihadapi. Oleh itu kajian ini cuba mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh isi rumah miskin dalam mendapatkan pendidikan.

1.6 Batasan dan skop kajian

Bagi memastikan kajian ini lebih memfokus untuk menjawab objektif-objektif kajian seperti yang dinyatakan sebelum ini, penulis telah membataskan kajian dengan melihat kepada skop yang lebih kecil iaitu mengkaji tentang cabaran serta halangan dari sudut pendidikan, yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan luar bandar sahaja. Di samping itu, kajian akan melihat sama ada peluang pendidikan yang sedia ada di kawasan bandar menyamai dengan apa yang terdapat di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak berunsurkan kepada kajian perbandingan kerana kawasan kajian penyelidik adalah tertumpu di kawasan luar bandar sahaja. Selain itu, kajian juga cuba untuk melihat sejauh mana kesedaran ibu bapa bagi masyarakat di kawasan luar bandar tentang pandangan serta persepsi mereka mengenai pendidikan anak-anak mereka.

Penyelidikan kajian ini, hanya menumpukan kepada kawasan di Jajahan Bachok. Kawasan ini hanya melibatkan tiga buah kampung iaitu Perupok, Tawang, dan Jelawat. Ketiga-tiga kawasan ini diklasifikasikan sebagai kawasan luar bandar kerana jaraknya yang agak jauh dari pusat pentadbiran serta lokasi kawasan yang terpencil daripada arus pemodenan. Penumpuan kajian di kawasan luar bandar adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana masalah dan kekangan yang dihadapi oleh pihak mereka yang sepatutnya turut mendapat faedah daripada arus kemodenan di kawasan bandar.

1.7 Kepentingan kajian

Pada masa kini, kemajuan di Malaysia semakin pesat membangun. Namun demikian, masih terdapat kemunduran di kawasan luar bandar yang tetap menjadi bualan hangat masyarakat negara kita. Justeru, kajian ini disifatkan sebagai satu kajian yang penting untuk mengkaji tentang kemajuan dan kemunduran aspek pendidikan di kawasan luar bandar. Kajian ini diharapkan dapat menambahkan satu lagi koleksi dalam kajian mengenai geografi manusia dan geografi sosial khususnya di Malaysia.

Walaupun terdapat banyak kajian tentang masyarakat luar bandar di Malaysia, namun ia lebih menekankan kepada kajian tentang aspek sosio ekonomi masyarakat di kawasan tersebut. Aspek sosio ekonomi seperti kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Ungku Abdul Aziz, 1964; Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafiah Piei, 1988). Sebaliknya dalam kajian ini, penulis akan melihat kepada aspek masalah atau halangan masyarakat di kawasan luar bandar untuk dilihat dari sudut geografi manusia dan geografi sosial, bagi mengenal pasti sejauh mana kepentingan pendidikan dapat diatasi oleh

kalangan masyarakat di luar bandar supaya ianya mendapat sokongan sosial yang sesuai untuk disalurkan dalam kalangan mereka.

Kajian ini perlu dilakukan bagi membantu pihak-pihak tertentu merangka dasar-dasar awam untuk membantu menaikkan taraf hidup masyarakat luar bandar selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan pembangunan modal insan khususnya dalam aspek pendidikan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Antara lainnya kajian ini dapat membantu mengenal pasti peluang lain yang boleh diguna pakai untuk menyelesaikan masalah dan cabaran dalam bidang pendidikan dalam kalangan masyarakat di luar bandar.

Kajian ini juga penting kerana kajian tentang cabaran dan masalah pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar dibuat seiring dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan pembangunan modal insan di negara kita. Oleh itu diharapkan kajian ini mampu mempelbagaikan kajian geografi khususnya dalam kajian geografi manusia dan geografi sosial di Malaysia. Hal ini seterusnya mampu memperkayakan ilmu dalam bidang geografi penduduk di samping meningkatkan sumbangan geografi manusia ke dalam penggubalan dasar.

1.8 Organisasi kajian

Penulisan tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan pengenalan dan isu-isu kajian, objektif, kepentingan, skop serta organisasi kajian. Manakala bab dua pula akan menyorot kajian-kajian yang berkaitan dengan isu-isu kemunduran pendidikan di kawasan luar bandar yang diketengahkan dalam kajian ini. Di samping itu, dalam bab ini penyelidik juga mencadangkan rangka konseptual mengenai kedudukan masyarakat luar bandar serta aspek sosio-ekonomi dalam kitaran kemiskinan. Seterusnya bab tiga membincangkan tentang metodologi kajian

yang telah digunakan untuk kajian penyelidikan ini. Metod kajian yang melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif diguna bagi mendapatkan data yang lebih lengkap dengan aspek kajian yang dikaji.

Seterusnya bab empat pula akan membincang serta menjawab objektif-objektif kajian di mana hasil dan penemuan kajian yang berkaitan dengan sosio ekonomi, iaitu melihat taraf pendidikan responden, serta anak-anak mereka sama ada yang telah tamat pengajian atau juga yang sedang menerima pendidikan di sekolah atau di institusi pendidikan yang lain. Bab ini juga meninjau tentang jenis pekerjaan responden serta melihat pendapatan yang diterima oleh mereka. Dalam bab lima pula, kajian mengupas mengenai masalah dan halangan yang dihadapi oleh masyarakat di luar bandar berkaitan dengan isu penerimaan pendidikan anak-anak mereka. Seterusnya bab ini juga turut melihat faktor-faktor yang membawa kepada masalah dan cabaran yang dihadapi oleh responden dan pelajar serta cuba mengambil pandangan responden terhadap usaha mereka dalam mengeluarkan diri untuk mengatasi masalah dan cabaran kemiskinan ini.

Bab enam pula adalah rumusan hasil kajian penyelidikan yang telah dilakukan serta turut dibincangkan adalah sumbangan kajian ini kepada bidang akademik terutamanya dalam bidang geografi penduduk ini. Cadangan-cadangan kajian juga turut dimasukkan sebagai penambahbaikan dasar bagi membantu masyarakat di kawasan luar bandar.

BAB 2

KAJIAN TERDAHULU

2.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk menyorot literatur sedia ada tentang kedudukan dan keadaan masyarakat di kawasan luar bandar. Perbincangan difokuskan kepada senario kemiskinan yang kebanyakannya berlaku dalam kalangan masyarakat luar bandar dengan melihat kepada aspek pencapaian pendidikan serta mengenal pasti masalah dan halangan yang dihadapi oleh mereka dalam mendapatkan pendidikan anak-anak, serta meninjau bentuk bantuan dan sokongan yang diterima oleh golongan masyarakat di kawasan luar bandar. Aspek-aspek di atas seringkali dijadikan sebagai pengukur kepada kajian terhadap masyarakat khususnya di kawasan luar bandar.

Pengkaji terdahulu menyimpulkan bahawa masyarakat di kawasan luar bandar merupakan kelompok masyarakat yang hidup dalam serba kekurangan baik dalam aspek pekerjaan dan pendapatan, pendidikan, kesihatan, dan sebagainya yang menyebabkan mereka cenderung untuk terus kekal dalam keadaan kemiskinan (Ungku Abdul Aziz, 1964; Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafiah Piei, 1988:204-205; Hirschman, 1975:78; Syed Husin Ali, 1981:78; Teo,1989). Oleh itu, golongan masyarakat luar bandar sering mendapat perhatian daripada mereka yang bertanggungjawab dalam penggubalan dasar. Ini bagi memastikan golongan ini dapat dibantu serta mendapat faedah daripada kemajuan negara seiring dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar.

2.2 Kajian kemiskinan di Malaysia

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru, kemiskinan berasal daripada kata dasar iaitu "miskin" yang bermaksud tidak berharta benda, serba kekurangan (dalam barang-

barang keperluan hidup), melarat, papa (terlalu miskin). Manakala, kemiskinan pula membawa maksud perihal miskin, kekurangan dan kepapaan (Kamus Dewan 2007:1037).

Daripada definisi kemiskinan ini, maksud yang paling jelas adalah, kemiskinan merupakan suatu “sindrom situasi” yang meliputi unsur-unsur kekurangan makanan dan taraf kesihatan yang rendah, pendapatan rendah, pengangguran, keadaan perumahan yang tidak selamat, taraf pendidikan yang rendah, tidak menikmati keperluan moden, pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif dan fikiran yang kolot. Konsep kemiskinan ini sedikit sebanyak terbentuk daripada persekitaran ekonomi dan sosial serta matlamat umum masyarakat yang cuba dicapai melalui dasar anti kemiskinan (Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafiah Piei, 1988:30).

Di Malaysia, konsep mengenai kemiskinan seringkali dikaitkan dengan kemiskinan orang Melayu. Penulis pertama yang membincangkan kemiskinan orang Melayu ialah Zainal Abidin Ahmad atau Za’ba iaitu bermula pada Disember 1923 (Ungku Abdul Aziz, dalam Stephen Chee dan Khoo, 1975:9). Beliau berpendapat bahawa orang Melayu sangat miskin pada masa penjajahan Inggeris. Mereka telah mengalami kemiskinan kebendaan dan bukan kebendaan termasuklah kemiskinan moral dan rohani. Antara sebab yang membawa kepada masalah kemiskinan ialah tiadanya pengetahuan, pelajaran, atau kemahiran dalam bidang perniagaan dan pertukangan yang dapat dijadikan mata pencarian (Nurizan Yahaya, 1998:14-15).

Usaha Za’ba telah diteruskan lagi oleh Ungku Aziz dan Syed Husin Ali pada tahun 1960-an dan tahun 1970-an. Kajian yang dijalankan oleh Ungku Aziz terhadap golongan Melayu miskin di desa menunjukkan kemiskinan mereka disebabkan oleh daya pengeluaran yang rendah, penindasan oleh orang tengah dan tuan tanah serta

keadaan hidup yang terbiar serta diabaikan oleh pihak yang patut dipertanggungjawabkan (Nurizan Yahaya, 1998:15).

Kajian yang dijalankan Ungku Abdul Aziz (1964) telah menjelaskan bahawa kemiskinan timbul akibat daripada ketidaksamaan dalam agihan pendapatan. Ketidaksamaan ini bukan hanya timbul dari aspek agihan pendapatan, malah ianya tertumpu kepada aspek pembaikan pendidikan, dan kemahiran tenaga buruh. Teori produktiviti marginal buruh menyatakan bahawa buruh mahir akan berpindah dari pekerjaan dengan bayaran (upah) yang rendah kepada pekerjaan mahir dengan upah yang lebih tinggi. Perpindahan ini meninggikan pendapatan buruh sektor moden – bandar, dan sekaligus meluaskan jurang ketidaksamaan pendapatan antara buruh bandar dengan buruh pertanian – desa (Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafiah Piei, 1988:4).

Syed Husin Ali (1973 dalam Nurizan Yahaya, 1998:14) pula mengkaji kemiskinan dari sudut faktor pemilikan dan saiz tanah serta struktur susun lapis masyarakat yang dikatakan menjadi asas kepada kemiskinan di desa. Menurut Syed Husin Ali, kemiskinan orang Melayu boleh dihuraikan sebagai kesan daripada sistem sosial, ekonomi, politik, penjajah, dan dasar kerajaan yang gagal memajukan orang Melayu dan bukan disebabkan oleh nilai serta sikap orang Melayu. Misalnya telah ditegaskan corak pemilihan tanah mempunyai kaitan rapat dengan kemiskinan (Syed Husin Ali, 1976:17).

Menurut beliau lagi, nilai negatif yang ditujukan kepada orang Melayu adalah disebabkan oleh penyesuaian yang terpaksa dilakukan dalam menghadapi kemiskinan, kesulitan hidup, tekanan daripada penjajah, dan tiada peluang untuk membaiki kehidupan yang dialami begitu lama menyebabkan orang Melayu mengalami kekecewaan yang berterusan. Beliau menegaskan bahawa kemiskinan orang Melayu

bukan disebabkan oleh budaya kemiskinan, tetapi halangan struktur telah mengekalkan kesusahan dan kemiskinan yang dialami oleh orang Melayu (Nurizan Yahaya, 1998:15-16).

Kemiskinan atau ketaksamaan pendapatan lazimnya berlaku pada permulaan pembangunan ekonomi. Penumpuan terhadap pembangunan seperti perindustrian menyebabkan berlakunya peralihan penduduk iaitu daripada sektor ekonomi tradisional kepada sektor moden iaitu selaras dengan kemajuan dalam pembangunan ekonomi. Masalah ketaksamaan pendapatan ini berlaku dalam sektor moden kerana dalam sektor ini, purata pendapatan seseorang dikatakan lebih tinggi berbanding dengan sektor tradisional (Visaria, 1980:189).

Walau bagaimanapun, ketaksamaan pendapatan ini boleh mula dikurangkan apabila sesuatu pembangunan ekonomi itu sampai di suatu tahap di mana terdapat suatu kebaikan yang amat luas daripada faedah-faedah pertumbuhan ekonomi kepada penduduk iaitu melalui upah, kemudahan atau kemajuan dalam tenaga buruh dan pertambahan penduduk yang menurun (Yuji Tamura, 2003:2).

Isu kemiskinan juga boleh dilihat daripada pelbagai sektor. Sukor Kasim (1985), misalnya telah melihat kemiskinan dalam sektor pertanian. Beliau menyatakan bahawa terdapat tujuh sebab atau faktor kekukuhan kemiskinan. Faktor-faktor tersebut ialah saiz tanah kecil dan penyewa, pertumbuhan penduduk, hasil pengeluaran yang tidak bertambah, perpindahan buruh sawah padi, kurang perhatian bagi tanaman lain dan aktiviti-aktiviti ladang, tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan selain daripada sektor pertanian, serta kos sara hidup yang meningkat.

Seterusnya, ada pengkaji terdahulu melihat aspek kemiskinan sebagai satu keadaan yang boleh dikaitkan dengan individu itu sendiri. Asmah Ahmad (1983:204) mengaitkan

kemiskinan dengan faktor golongan individu seseorang itu. Menurut Asmah, kemiskinan dikaitkan dengan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar yang tergolong dalam kalangan petani. Contohnya, Baling merupakan satu daerah yang terpencil, mundur dan miskin sehingga berlakunya Demonstrasi Kelaparan 1974 iaitu perarakan kelaparan yang berpunca daripada rasa tidak puas hati kalangan penduduk luar bandar dan pekebun kecil yang tersepit antara masalah inflasi dengan harga getah yang merosot.

Situasi di atas telah mendorong kepada satu lagi penyelidikan bagi memahami punca kemiskinan yang berlarutan dalam kalangan petani, terutama pekebun kecil getah (Asmah Ahmad, 1983 dalam Chamhuri Siwar dan Mohd. Hafiah Piei, 1988:204-205). Dapatan daripada kajian itu menunjukkan bahawa, langkah yang lebih berkesan ialah dengan merombak pengagihan tanah yang sedia ada kepada satu pengagihan semula yang lebih adil. Sekiranya semua pekebun memiliki tanah, sebahagian besar masalah kemiskinan yang ada sekarang dapat diatasi.

Selain itu dalam satu kajian di York, England hubungan kemiskinan dengan ketidakcukupan pendapatan keluarga kepada satu tahap hidup yang minimum, disebut sebagai tahap kehidupan yang boleh memenuhi keperluan asas (Shukri Abdullah, 1992:170). Ini bermakna sesebuah keluarga itu dikatakan hidup dalam kemiskinan sekiranya pendapatan ahli keluarga itu tidak mencukupi untuk mendapatkan keperluan-keperluan asasi dan keperluan-keperluan harian lain yang diperlukan untuk sekurang-kurangnya mengekalkan peringkat subsisten atau cukup hidup (Shukri Abdullah, 1992:172-173). Namun demikian, Todaro (2003) dalam memetik ungkapan Amartya Sen (penerima anugerah dalam bidang ekonomi 1998) berpendapat bahawa kemiskinan tidak wajar diukur daripada pendapatan yang diterima, kebendaan secara fizikal yang dipunyai dan kemudahan yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu (lihat juga Downs, 1970:6-7). Namun tahap kemiskinan boleh dijelaskan oleh individu